

20/11/1997

Ramai sokong saranan utama barang tempatan

Hazirah Che Sab

ORANG ramai menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat tidak terlalu mengagungkan barangan import sebaliknya menggunakan barangan tempatan.

Surirumah Wan Yati Yahya, 33, berkata saranan Perdana Menteri itu wajar diberi perhatian kerana terbukti mutu barangan tempatan tidak jauh beza dari barangan import tambahan pula harganya yang tinggi berbanding barang tempatan.

Bagaimanapun beliau menyatakan tidak puas hati dengan kenaikan harga barangan terutama barangan dapur dan menyifatkannya sebagai membebankan golongan berpendapatan rendah.

"Saya minta kerajaan mengawal keadaan ini kerana ia hanya membebankan rakyat yang berpendapatan rendah."

"Tambahan pula gaji masih ditahap rendah sedangkan barangan semakin mahal. Keadaan ini mungkin tidak dirasakan oleh orang kaya tetapi bagaimana dengan mereka yang tidak berkemampuan?" katanya.

Guru, Faridah Ahmad, 25, mempunyai pendapat yang sama dan meminta kerajaan menghebahkannya terlebih dahulu sebelum sesuatu kenaikan harga dilakukan.

Katanya, kerajaan juga patut menetapkan kadar kenaikan harga bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan daripada keadaan itu.

"Kenaikan yang dibuat terlalu mendadak sedangkan orang ramai tidak mengetahui kenaikan itu."

"Jika kenaikan itu dibuat secara beransur mungkin ia tidak begitu menimbulkan masalah. Bagaimanapun, saya minta kerajaan mengkaji sebarang kenaikan harga memandangkan harga barang semakin meningkat sedangkan gaji masih ditahap lama," katanya.

Pakar kecantikan, Connie Chuah, 24, berkata beliau tidak begitu bersetuju dengan saranan supaya tidak menggunakan barangan import.

Ini kerana, katanya, tidak banyak barang yang dihasilkan di Malaysia dan kebanyakan yang ada cepat rosak berbanding barangan import.

"Barang elektronik terutamanya, saya rasa lebih baik gunakan barang import kerana tahan lebih lama dan lebih banyak pilihan."

"Dari segi barangan kecantikan pula, kita tidak ada golongan profesional yang mengkaji kandungan sesuatu bahan berbanding jenama luar negeri yang ada pekerja profesional mereka sendiri," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, jika ada golongan profesional tempatan yang boleh menghasilkan barangan bermutu, lebih baik rakyat mengutamakan kerana harganya yang lebih rendah.

Peniaga makanan tradisional, Rosita Kadir, 33, juga menyambut baik saranan Perdana Menteri supaya menggunakan barangan tempatan kerana lebih murah dan mutunya juga setanding dengan barangan import.

Beliau tidak berpuas hati dengan kenaikan harga barangan terutama barangan dapur yang didakwa kerap berlaku.

"Saya terperanjat apabila ke pasar dan diberitahu haraga barang sudah naik. Semalam beli ikan harga lebih murah, hari ini naik hampir RM1. Begitu juga dengan sayur dan minyak."

"Saya harap pihak berkuasa dapat berbuat sesuatu supaya kami sebagai pengguna tidak tertindas dengan kenaikan itu. Lebih baik diberitahu dahulu supaya kami boleh berjimat," katanya.

Sementara itu, guru, Sakinah Nor, 29, berkata golongan kaya sepatutnya menjadi sasaran kempen tidak membeli barangan import kerana kebanyakan

pengguna barangan import adalah daripada golongan itu.

Beliau berkata, kempen atau saranan yang dijalankan tidak akan berkesan jika golongan kaya tidak dapat disedarkan dari kegemaran mereka menggunakan jenama luar negeri.

"Golongan bawahan saya rasa tidak ramai yang menggunakan barangan luar negeri kerana mereka tidak mampu."

"Golongan berada yang patut menjadi sasaran kerana kebanyakan mereka inilah yang menggunakannya sama ada untuk menjaga status atau tidak yakin dengan produk tempatan," katanya.

(END)